

2216/1
Kesusasteraan Melayu
Peningkatan Akademik SPM
November
2022

2 ½ jam



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2022**

**KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF
KERTAS 1**

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 15 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

SULIT

3. Dua Gaya Bahasa

(i) Asonansi

Contoh : Marilah kembali ke rumah nurani. / Marilah kembali ke rumah nurani (pengulangan bunyi vokal a dalam baris) 1+1 markah

(ii) Aliterasi

Contoh : dalam redup luhur mendepani lorong-lorong / dalam redup luhur mendepani lorong-lorong (pengulangan bunyi konsonan l dalam baris) 1+1 markah

(iii) Sinkope

Contoh : kau tetap gagah menaungi rumah peribadi / kau 1+1 markah

(iv) Kata ganda

Contoh : dalam redup luhur mendepani lorong-lorong / lorong-lorong. 1+1 markah

(v) Metafora

Contoh : rumah nurani / tanah batini / rumah peribadi / lebuah kehidupan / rumah diri 1+1 markah

(vi) Personifikasi

Contoh : yang indahnyanya menawan mata kagum / Mata kagum. 1+1 markah

[Maksimum 4 markah]

4. Dua Teknik penulisan drama

(i) Dialog

Contoh : Perbualan Mat Piah dengan Blackway. 1+1 markah

(ii) Aksi

Contoh : (*muncungkan mulut menunjuk satu arah*) / (*BLACKWAY ketakutan menutup muka sambil mencuri-curi melihat MAT PIAH dari celah jari-jemarinya*). 1+1 markah

(iii) Watak/Pelakon

Contoh: Mat Piah / Mr.Blackway 1+1 markah

[Maksimum 4 markah]

5. Dua Latar masa

(i) Waktu malam

Contoh : Pada satu malam, ketika kocakan meriakkan getaran kasih, kami pernah melakar wajah cinta pada sayap kerlipan bintang-bintang

1+1 markah

(ii) Malam bulan purnama

Contoh : Kami menanti malam bulan purnama mengambang untuk bersatu

1+1 markah

(iii) Hari ketujuh

Contoh : Tentu engkau arif Lin, dalam tradisi karang laut perkahwinan antara kami berlaku pada saat-saat itu dan pada hari ketujuh kami bertelur

1+1 markah

[Maksimum 4 markah]

6. Dua Nilai

(i) Nilai kegigihan/kesungguhan

Contoh : Siang malam para pengikutnya berusaha menyiapkan bahtera itu.

1+1 markah

(ii) Nilai menepati masa

Contoh : Dia mengejar masa, dan yang lebih penting berlumba dengan penyu raksasa laut.

1+1 markah

(iii) Nilai keprihatinan

Contoh : Nakhoda terdengar suara riuh di bawah sana.

Mungkin bergaduh. Segeralah dia turun dari dulang-dulang.

1+1 markah

[Maksimum 4 markah]

7. Satu Saranan terhadap watak Dol

(i) Menyampaikan nilai kemanusiaan dalam karya

Huraian : Dol perlu/sepatutnya mengisi karya/nyanyian dengan perkara yang berguna/mempunyai nilai kemanusiaan

2+2 markah

(ii) Mempunyai penampilan diri yang sopan/berdisiplin

Huraian : Dol perlu/sepatutnya memakai pakaian yang sopan/mengikut budaya tempatan

2+2 markah

SULIT

(iii) Mengelakkan pengaruh budaya Barat

Huraian : Dol perlu/sepatutnya meninggalkan pengaruh Barat dalam penampilan diri seperti memakai baju seluar ketat 2+2 markah

[Maksimum 4 markah]

8. Satu Pandangan terhadap watak 'aku'

(i) Prihatin terhadap kesejahteraan/kebajikan ibu bapa

Huraian: 'Aku' prihatin terhadap keadaan bapanya yang kesepian setelah ibunya meninggal dunia sehingga sanggup melepaskan tawaran belajar keluar negara agar dia dekat dengan bapanya. 2+2 markah

(ii) Berfikiran rasional dalam membuat keputusan

Huraian: 'Aku' bersikap rasional dalam memilih pasangan hidup, iaitu menolak cinta Dr. Lokeman kerana perbezaan latar belakang dan cara hidup akan menyukarkannya untuk berbakti kepada bapa. 2+2 markah

(iii) Sanggup berkorban demi kebahagiaan ibu bapa

Huraian: 'Aku' menolak tawaran belajar ke luar negara dan memilih universiti tempatan / 'Aku' menolak cinta Dr. Lokeman supaya tinggal berdekatan dengan bapanya. 2+2 markah

[Maksimum 4 markah]

9. Satu Pola fikir

(i) Masyarakat Timur mengutamakan ibu bapa.

Huraian: Thomas Carpenter memberitahu Anna bahawa Zaki akan melebihi ibunya daripada isterinya sendiri kerana hal itu adalah lumrah bagi orang Timur. 2+2 markah

(ii) Masyarakat Barat lebih bersikap individualistik.

Huraian: Thomas Carpenter memberitahu Anna bahawa orang Barat hidup atas kekuatan sendiri-sendiri dan tidak mengharapkan bantuan daripada ahli keluarga yang lain. 2+2 markah

(iii) Masyarakat Timur lebih mementingkan kerjasama berbanding masyarakat Barat.

Huraian: Thomas Carpenter memberitahu Anna bahawa masyarakat Timur hidup bekerjasama dan bergotong-royong, tidak seperti orang Barat yang hidup sendiri-sendiri. 2+2 markah

[Maksimum 4 markah]

10. Dua Unsur keagamaan

- (i) Gelaran/jawatan berunsurkan keagamaan
Contoh: Tok siak, pak lebai, imam 1+1 markah
- (ii) Institusi keagamaan / Tempat Ibadat
Contoh: surau, masjid 1+1 markah
- (iii) Amalan berunsurkan keagamaan
Contoh: berzakat, solat Isyak 1+1 markah
- [Maksimum 4 markah]

BAHAGIAN B

11. (a) Nada puisi

- Romantis 1 markah
- Huraian : Penyajak menghargai dan menyanjungi kaum wanita yang mempunyai keistimewaan sendiri. / 2 markah
- Contoh: Wanita ialah laut
Tenang bermandikan cahaya
Sesekali menggempur ruang
Melambung perasaan. 1 markah

[Maksimum 4 markah]

11. (b) Dua Sanjungan terhadap wanita

- (i) Tenang dalam menempuh cabaran / dugaan
Huraian: Wanita bersikap tenang dalam menghadapi pelbagai cabaran hidup 2+2 markah
- (ii) Bijak menyembunyikan perasaan / resah
Huraian : Wanita sentiasa tersenyum / suka bertentangan dengan perasaan yang sedang dihadapinya 2+2 markah
- (iii) Lantang / tegas dalam memberi pendapat / idea apabila perlu
Huraian: Wanita lantang bersuara walaupun kelihatan banyak mendiamkan diri sehingga sukar ditaksir 2+2 markah

- (v) Kasih sayang / kesetiaan yang luar biasa/tiada had
Huraian: Wanita mempunyai perasaan kasih sayang dan setia yang tiada batasan. 2+2 markah

- (vi) Amanah / kebijaksanaan / berhemah menjadi amalan hidup
Huraian: Wanita mempunyai keperibadian yang amanah / bijaksana / berhemah dalam menjalani kehidupan 2+2 markah

[Maksimum 8 markah]

11. (c) Cipta Sajak bertemakan ketabahan

- | | |
|-----------------|----------|
| (i) Tema | 2 markah |
| (ii) Bentuk | 2 markah |
| (iii) Bahasa | 2 markah |
| (iv) Kreativiti | 2 markah |

[Maksimum 8 markah]

Nota :

1. Jumlah baris sajak yang dicipta oleh calon, kurang daripada tujuh baris, berikan 4 markah maksimum.
2. Jika calon tidak menulis tajuk sajak, tolak satu markah kreativiti.
3. Jumlah baris sajak yang dicipta oleh calon lebih daripada lima belas baris , periksa seperti biasa.
4. Sajak yang tidak menepati tema, berikan 0 markah tema.

12. (a) Tiga Ciri kepemimpinan watak Hang Tuah

- (i) Pemimpin yang berani menentang cabaran / menentang musuh
Huraian: Hang Tuah berani menentang pendekar Jepun seorang diri di Istana Raja Siam / Hang Tuah berani menentang Pendekar Jepun yang menyerang kapalnya. 2+2 markah

- (ii) Pemimpin yang bijak menangani situasi.
Huraian: Hang Tuah bijak bertindak menghalang dan menewaskan pendekar Jepun yang cuba membunuh Phra Chau / Hang Tuah bertindak membaca pustaka untuk menghalang serangan bedil kapal pendekar Jepun. 2+2 markah

- (iii) Pemimpin yang mampu berkomunikasi dengan baik / berkesan.
Huraian: Hang Tuah berkomunikasi dengan baik apabila menghadap Phra Chau sebagai wakil utusan Raja Melaka / Raja Siam kagum dengan kemampuan Hang Tuah yang berbahasa Siam dan kesopanan dirinya. 2+2 markah
- (iv) Pemimpin bertanggungjawab terhadap tugas.
Huraian : Hang Tuah menjalankan tanggungjawab dengan baik untuk mendapatkan gajah daripada Siam untuk dibawa balik ke Melaka. 2+2 markah
- (v) Pemimpin yang mempunyai kemahiran diplomatik.
Huraian: Hang Tuah dipilih oleh Raja sebagai ketua rombongan untuk berurusan dengan Raja Siam kerana mempunyai kemahiran diplomatik. 2+2 markah
- (vi) Pemimpin yang mahir pelbagai bahasa.
Huraian: Selain bahasa Melayu, Hang Tuah mahir berbahasa Siam sehingga dikagumi oleh Raja Siam dan memberikan hadiah persalinan. 2+2 markah

[Maksimum 12 markah]

12. (b) Adaptasi – Pantun empat kerat.

- | | |
|-----------------|----------|
| (i) Tema | 2 markah |
| (ii) Bentuk | 2 markah |
| (iii) Bahasa | 2 markah |
| (iv) Kreativiti | 2 markah |

[Maksimum 8 markah]

Nota :

1. Jumlah rangkap pantun empat kerat yang dicipta oleh calon, kurang daripada dua rangkap, berikan 4 markah maksimum.
2. Tidak memenuhi ciri pantun empat kerat, tolak 1 markah bentuk.
3. Jumlah rangkap pantun yang dicipta oleh calon lebih daripada dua rangkap periksa seperti biasa.
4. Pantun yang tidak menepati maksud petikan hikayat, berikan 0 markah tema.

13. (a) Tiga Tanggapan Pemuda terhadap orang kota

- (i) Orang kota / Profesor membuat kajian tentang ulama di pondok 1 markah
- (ii) Orang kota tidak tahu tentang ulama 1 markah
- (iii) Orang kota hanya tahu mencari wang 1 markah
- (iv) Orang kota tidak ada waktu untuk membelek buku 1 markah
- (v) Orang kota tidak ada waktu untuk membaca kitab tentang orang sufi 1 markah

[Maksimum 3 markah]

13. (b) Empat Pengajaran dalam cerpen

- (i) Kita hendaklah gigih menuntut ilmu
Contoh: Pemuda gigih mendalami ilmu agama sehingga telah pergi ke Kota Barus dengan biaya sendiri. 1+2 markah
- (ii) Kita hendaklah berani dalam melakukan sesuatu perkara
Contoh: Pemuda berani ke Barus sendirian tanpa bantuan sesiapa pun demi mendalami ilmu agama. 1+2 markah
- (iii) Kita hendaklah bersikap rendah diri
Contoh: Pemuda merendah diri kepada Profesor tentang hajatnya mencari orang yang boleh membimbingnya mengamalkan ilmu yang telah dipelajarinya. 1+2 markah
- (iv) Kita hendaklah bertanggungjawab menyara keluarga
Contoh: Pak Supir bertanggungjawab menyara keluarganya dengan membawa teksi pelancong di Kota Barus. 1+2 markah
- (v) Kita janganlah memandang rendah terhadap orang lain.
Contoh: Profesor memandang rendah kepada Pemuda apabila mengetahui Pemuda hanyalah lulusan sekolah pondok. 1+2 markah
- (vi) Kita janganlah berprasangka buruk terhadap orang lain.
Contoh: Pemuda memujuk hatinya supaya tidak berprasangka buruk kepada Pak Supir yang tidak mampu membantunya mencari tempat/seseorang yang boleh mengajarnya mendalami ilmu agama. 1+2 markah

[Maksimum 12 markah]

13. (c) Pengkaryaan / mencipta cerpen:

- | | |
|-----------------|----------|
| (i) Isi | 2 markah |
| (ii) Bentuk | 2 markah |
| (iii) Bahasa | 2 markah |
| (iv) Kreativiti | 2 markah |

[Maksimum 8 markah]

Nota:

1. Calon mengemukakan satu teknik plot / penceritaan, maksimum 1 markah untuk teknik.
2. Calon menghasilkan karya kurang daripada 80 patah perkataan, maksimum 1 markah untuk isi.

14. (a) Pemikiran drama

Pergolakan rumah tangga suami isteri yang berlainan latar budaya
Huraian: Konflik berlaku antara Zaki, seorang pemuda Melayu dengan Anna, seorang peranakan Inggeris Melayu yang berpendapat bahawa Zaki lebih menyayangi dan mengutamakan ibunya daripada dirinya.

2+2 markah

[Maksimum 4 markah]

14. (b) Empat Perwatakan Anna

- (i) Seorang yang sanggup berkorban

Contoh: Anna sanggup meninggalkan pelajaran dan bapanya demi berkahwin dan mengikut Zaki pulang ke Malaysia.

1+1 markah

- (ii) Seorang yang cepat putus asa

Contoh: Anna mudah berputus asa dengan Zaki yang dianggapnya melebihi ibu mentua daripada dirinya.

1+1 markah

- (iii) Seorang yang insaf akan kesalahan

Contoh: Anna insaf akan kesalahannya yang tidak mendengar kata-kata bapanya yang menentang perkahwinannya dengan Zaki.

1+1 markah

- (iii) Isu pengambilan tanah/kekurangan tanah pertanian
Huraian : Kebanyakan tanah di kawasan Abang Said diambil untuk dijadikan kondominium/Tanah tidak dapat ditanam serai, pisang dan daun pandan 2+2 markah
- (iv) Isu penderitaan/kesusahan masyarakat bawahan
Huraian : Sharifah menerima surat layang daripada rakyat yang menceritakan penderitaan dan kesusahan masyarakat bawahan 2+2 markah
- (v) Isu anak buah yang tidak jujur kepada pemimpin
Huraian : Kebanyakan pengikut atau orang di sekeliling Abang Said dianggap penuh kepalsuan kerana mengharapkan habuan 2+2 markah
- (vi) Isu jurang antara pemimpin dengan rakyat
Huraian : Sambutan seperti permaidani merah dan protokol yang melampau menyebabkan rakyat sukar berkomunikasi dengan Abang Said 2+2 markah

[Maksimum 8 markah]

16. (a) Empat Teknik plot dalam petikan

- (i) Teknik pemerian
Contoh : Dia tidak menolak ajakan itu. 1+1 markah
- (ii) Teknik imbas muka
Contoh : Malam itu akan merupakan kali pertama mereka duduk bertiga, bersua muka, enam biji mata akan bertukar pandang, walau sebiji daripadanya tersembul macam ikan merah medak kahang. 1+1 markah
- (iii) Teknik dialog
Contoh : "Malam ini datanglah ke restoran makanan laut di Ture," pelawa wakil itu kepada jeneral dan pegawai kanan pemerintahan provinsi, melalui telefon. / "Kamu tahu di mana restoran itu, bukan?/ Ya, itu satu-satunya restoran makanan laut di sini! / Tidak ada yang lain./Kita berjumpa di sana setengah jam selepas matahari terbenam." 1+1 markah
- (iv) Teknik monolog dalaman
Contoh : Ajakan yang kedengaran bersungguh-sungguh, fikir pegawai kanan itu. / Ajakan yang ikhlas, fikir jeneral pula. 1+1 markah

[Maksimum 8 markah]

16. (b) Dua Gaya bahasa

- (i) Kata ganda
Contoh : satu-satunya / bersungguh-sungguh 1+1 markah
 - (ii) Repetisi kata
Contoh : restoran / fikir / itu / tidak / malam 1+1 markah
 - (iii) Repetisi frasa
Contoh : Ajakan yang 1+1 markah
 - (iv) Personifikasi
Contoh : enam biji mata akan bertukar pandang 1+1 markah
 - (v) Simile
Contoh : enam biji mata akan bertukar pandang, walau sebiji daripadanya tersembul macam ikan medak kahang 1+1 markah
- [Maksimum 4 markah]

16. (c) Pengkaryaan / Sambung cerita

- (i) Isi 2 markah
 - (ii) Bentuk 2 markah
 - (iii) Bahasa 2 markah
 - (iv) Kreativiti 2 markah
- [Maksimum 8 markah]

Nota :

1. Jika calon menghasilkan karya kurang 80 patah perkataan, berikan maksimum 1 markah untuk isi.
2. Calon mengemukakan satu teknik plot, berikan maksimum 1 markah untuk teknik.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT